

## Kesahan Serentak

Rosly Bin Kayar

Kesahan serentak merujuk kepada kebolehan alat untuk menguji kesahan self-esteem serentak dalam dua perkara. Pengkaji perlu membina instrument untuk mengukur antara dua perkara atau dua jangka masa bagi memastikan ia mempunyai korelasi yang tinggi. Kajian kesahan jenis ini memerlukan kajian berbentuk korelasi tingkah laku yang memerlukan pentadbiran soal selidik sekurang-kurangnya dua kali. Sekiranya kajian adalah tentang 'kaitan antara tahap pendidikan dengan tahap pendapatan', soal selidik hendaklah mempunyai kesahan serentak. Ini bermakna, pengkaji perlu memastikan pelajar yang mempunyai skor tinggi dalam tahap pendidikan juga mempunyai skor tinggi dalam tahap pendapatan. Ini bermakna jika seseorang pelajar itu mempunyai tahap pendidikan yang tinggi maka kebarangkalian untuk mendapat perkerjaan dengan gaji yang lumayan adalah tinggi berbanding dengan pelajar yang mempunyai tahap pendidikan rendah akan mendapat perkerjaan dengan gaji rendah. Oleh itu, pengkaji perlu membuktikan perkaitan atau korelasi di antara pendidikan yang tinggi dengan gaji yang tinggi dan pendidikan yang rendah dengan gaji yang rendah.

